

Akidah dan Keutamaannya dalam Pembangunan Personaliti Usahawan Islam

Aqeedah and Its Priorities in Development Islamic Entrepreneur's Personality

Solahuddin Abdul Hamid¹

ABSTRAK

Manusia adalah makhluk dualistik yang memikul tanggungjawab besar sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T untuk mengimbangi kehidupan mereka supaya tidak terjerumus ke dalam asetisisme mutlak atau materialisme sepenuhnya. Dalam memenuhi dualistik peranan tersebut, kegiatan ekonomi adalah sebahagian daripada faktor pendorong bagi mewujudkan kesempurnaan pencapaiannya. Tanpa kekuatan ekonomi juga, umat Islam akan pincang dan terpinggir daripada arus pembangunan semasa. Justeru, terdapat pelbagai galakan yang kuat supaya mereka mengeksploitasi pelbagai sumber sebagai mekanisme membasmi kemiskinan dan meningkatkan pendapatan serta kekayaan. Dalam hal ini, kewujudan personaliti usahawan dengan peranannya yang bersifat holistik adalah sangat dominan serta signifikan bagi mencetuskan transformasi sosial seseorang individu, masyarakat dan negara. Namun, apabila pembangunan usahawan dalam sistem ekonomi yang membawa kepada lahirnya golongan manusia yang derhaka kepada Allah S.W.T, maka status mereka sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T akan bertukar menjadi hamba kepada pembangunan. Artikel ini memfokuskan perbincangan kepada keperluan akidah sebagai asas dalam membangunkan personaliti usahawan Islam yang berkompetensi. Elemen spiritual ini diyakini berkeupayaan untuk bertindak sebagai faktor pemangkin kepada pembangunan aktiviti keusahawanan yang sentiasa berdepan dengan risiko serta asas kepada ketahanan sosio-ekonomi masyarakat sejagat.

Kata kunci: Akidah, pembangunan personaliti, usahawan Islam.

ABSTRACT

Human is a creature of the dualistic responsibility as a servant of God and inheritors S.W.T to balance their lives so as not to fall into absolute asetisisme or fully materialism. In meeting the dualistic role, economic activity is part of the driving force to realize the perfection of its achievement. Without economic strength, Muslims will be lame and outdated from current development flows. Hence, there are many strong incentives for them to exploit various sources as a mechanism to eradicate poverty and increase income and wealth. In this case, the existence of entrepreneurial personality with its holistic role is very dominant and significant to triggering the social transformation of an individual, society and country. However, when the development of entrepreneurs in the economic system that leads to the birth of the rebellious human beings to God S.W.T, their status as slaves and the Caliph of Allah S.W.T will be transformed into slavery to development. This article focuses on discussing the needs of the aqeedah as a basis for developing a competent Muslim entrepreneur personality. These

¹ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains Universiti Utara Malaysia. solah@uum.edu.my.

spiritual elements are believed to be capable of acting as a catalyst to the development of entrepreneurial activities that are always faced with the risks and fundamentals of the socio-economic resilience of the universal society

Keywords: *Aqeedah, personality development, Islamic entrepreneurs*

Pendahuluan

Terminologi akidah adalah berasal daripada bahasa Arab dan telah disebut sebanyak tujuh kali dalam al-Quran. Dari segi bahasa, ia berakar umbi daripada kata dasar 'aqada' (عقد) yang bererti simpulan atau ikatan yang kuat dan teguh atau sesuatu yang telah menjadi teguh dan mantap. Ibn Faris (1971), merujuk akidah dengan maksud kepercayaan yang kuat dan kukuh. Ibn Manzur (1996) menyatakan akidah bermaksud mengikat, menguasai, perjanjian, pegangan, menambat dan kukuh. Ia merujuk kepada sesuatu yang telah tersimpul atau terikat serta sesuatu yang telah teguh dan kukuh.

Manakala dari sudut istilah, Abu Bakr Jabir al-Jaza'iri (*t.t.*), mendefinisikan akidah sebagai gugusan pernyataan benar yang dapat diterima secara mudah oleh akal manusia berdasarkan sumber wahyu. Secara fitrahnya, ia mudah diterima oleh manusia jika hati sanubari mereka mudah untuk menetapkan secara pasti tentang kewujudan dan kesahihan apa yang dipercayainya. Ibn Manzur (1996) menyatakan akidah merupakan sesuatu yang pasti dari segi kebenarannya, bukannya yang batil. Bagi Sayyid al-Sabiq (*t.t.*) selain kepercayaan dan keyakinan yang cukup pasti terhadap sesuatu tanpa sebarang keraguan, akidah atau iman merupakan mekanisma pendidikan yang paling unggul kerana ia berkeupayaan menghasilkan kuasa yang kuat dalam hati dan jiwa manusia. Manakala Abdul Rahman Habannakah (2002) menyatakan bahawa akidah adalah sampainya perasaan kepada sesuatu, sehingga mampu menggerakkan hati kita serta mengarahkan gerak tingkah laku kita.

Menyedarkan luasnya isu yang dibincangkan ini serta keterbatasan pada sisi perbincangan, maka hasil penulisan ini bukanlah jawapan terakhir terhadap isu yang dibincangkan, tetapi ia merupakan satu langkah yang awal ke arah tujuan akhir yang akan dicapai. Ini kerana, akidah merupakan satu asas yang berkeupayaan sebagai dasar untuk membentuk suatu teori yang kuat dan menyakinkan serta dapat diaplikasikan dalam setiap situasi ketika ini ataupun pada masa akan datang.

Ulasan Karya

Akidah, tauhid atau dikenali juga sebagai iman merupakan awal dakwah Islam manakala fungsi manusia yang asas ialah beribadat kepada Penciptanya yang Maha Esa. Al-Quran menjelaskan akidah tidak sekadar fahaman, idea yang hanya bersifat konseptual atau asas yang membezakan antara Mukmin dan kafir semata-mata (surah *al-Zumar* (39): 38). Malahan, selain mengandungi deklarasi pembebasan manusia dari segala bentuk pengabdian sesama makhluk, ungkapan kalimah syahadah sebagai motif tingkah laku manusia (Shafiq Falah Alawneh, 2009) juga menuntut komitmen manusia untuk melaksanakan pelbagai *taklif* secara bersungguh-sungguh sama ada dalam bentuk hubungan menegak mahupun hubungan melintang sehingga tidak wujud dualisme seperti beribadat kerana Allah S.W.T, tetapi bekerja kerana yang lain.

Sebagai agama yang syumul Islam juga mengemukakan mekanisma pencapaian kesempurnaan manusia di dunia ini selari dengan fitrah mereka. Islam tidak menindas keperluan jasmani; tidak menjanjikan rangkaian kelahiran yang terus-menerus terhadap kemajuan yang lebih tinggi; tidak menyeru ke arah kesempurnaan dan perlindungan melalui

pemusnahan antara hubungan individu dan emosi dengan dunia. Sebaliknya, Islam menjamin bahawa manusia dapat mencapai tahap kesempurnaan dalam kehidupannya dengan menguruskan segala kemungkinan yang ada (Muhammad Asad, 1947). Abi Sa'id meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda yang bermaksud:

Seseorang peniaga yang jujur dan amanah akan bersama nabi-nabi, para siddiqin dan para syuhada' (al-Tirmidhi).

Hadith tersebut meletakkan peniaga atau usahawan pada tahap yang tertinggi, iaitu mendapat kedudukan bersama para nabi, *siddiqin* dan syuhada' di akhirat kelak. Rafiq Yunus al-Misri (2007) menjelaskan, untuk mencapai tahap ini (benar dan amanah) adalah sukar memandangkan aktiviti perniagaan mudah bercampur dengan pembohongan, penipuan dan pelbagai elemen negatif lain. Justeru, apabila mereka berjaya melepasi pelbagai elemen-elemen negatif tersebut untuk menjadi usahawan yang bersifat benar, amanah dan ikhlas, maka martabat mereka turut terangkat untuk bersama para nabi, *siddiqin*, syuhada' dan *salihin*.

Bagi menjelaskan situasi ini, al-Qaradhawi (2001) mengemukakan kisah Ibrahim al-Nakha'i, iaitu seorang imam pada zaman *tabi'in* pernah ditanya tentang pilihannya antara seorang peniaga yang jujur atau seorang ahli ibadah yang menghabiskan masanya untuk beribadah. Beliau memilih peniaga yang jujur dengan alasan mereka sentiasa berada dalam keadaan berjihad. Peniaga berjihad melawan godaan syaitan ketika menentukan timbangan serta sukatan pada setiap pembelian dan penjualan.

Justeru, ibadah yang terhasil daripada manifetasi akidah yang jelas masih belum mencukupi dengan hanya menunaikan solat, berpuasa, mengeluarkan zakat dan mengerjakan ibadat haji sahaja. Sebaliknya, keyakinan dan pemahaman akidah tersebut juga perlu diterjemahkan dalam semua aspek kehidupan merangkumi penerokaan terhadap alam semesta, kajian saintifik, bekerja, menjalankan perniagaan, belajar, menjalankan aktiviti harian seperti makan, minum, tidur, bersukan dan sebagainya. Segala pemikiran dan tingkah laku tersebut diklasifikasi sebagai ibadat selagi ia bertujuan mendapatkan keredaan Allah S.W.T. Syariat Islam juga menghapuskan semua perbezaan kelas antara manusia (surah *al-Hujurat* (49):13) dan menganggap amal sebagai kewajipan yang harus dilaksanakan oleh setiap orang sesuai dengan kemampuan dirinya (surah (94): 7 dan (9):105).

Islam memerintahkan umatnya supaya berusaha mencari rezeki (surah *al-Mulk*:15) dan menjamin rezeki untuk hamba-Nya (surah *Hud*: 6). Berdasarkan surah 62:10, 19:93 dan 67:15, kerja adalah suatu kewajipan (*faridhah*) di mana setiap orang yang waras dan sihat tubuh badan akan diminta pertanggungjawab dengannya. Ismail Raji al-Faruqi (1979) menjelaskan, Islam adalah agama aksi (*a religion of actions*). Justeru, kegiatan ekonomi, memenuhi dunia, ruang dan waktu dengan nilai-nilai bukan hanya penting bagi agama tetapi ia adalah kepentingan agama. Manusia menurut Islam tidak disuruh untuk berdiam diri sahaja tanpa berbuat apa-apa tetapi diperintahkan mengubah masa depannya (Muhammad al-Buraey, 1985).

Islam tidak akan sempurna kecuali disebarakan dimensi dunia dan akhiratnya secara bersama kerana Islam tidak meninggalkan sesuatu pun daripada urusan akhirat dan tidak membiarkan urusan dunia kecuali meletakkannya asas-asas dan prinsip ('Abd al-Hafiz Faraghi 'Ali al-Qarni, 1987). Garis panduan untuk berjaya dalam aktiviti keusahawanan mungkin tidak akan ditemui secara jelas dalam buku-buku asas agama sepertimana ditemui dalam al-Quran dan Hadith. Tetapi tidak terdapat kenyataan dan doktrin dalam kedua-dua sumber primer tersebut yang menghalang kelancaran operasi perniagaan. Sebaliknya terdapat pelbagai dorongan dan galakan yang dikemukakan beserta dengan pelbagai sistem dan kontrak yang membantu untuk membangunkan aktiviti komersil dan berisiko ini.

Metodologi

Perbincangan dalam artikel ini adalah bagi mengenal pasti sama ada akidah Islam mempunyai garis panduan yang menyokong ke arah pembangunan keusahawanan. Selain itu, ia juga sebagai penilaian sama ada fahaman Islam boleh diaplikasikan dalam aktiviti komersil dan berisiko ini. Huraian persoalan teoretikal gagasan tersebut adalah berasaskan piawaian yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan hadith serta pandangan para intelektual Islam supaya kerangka pemikiran dan perbincangan yang terhasil adalah selari dengan tasawwur Islam.

Analisis dan Perbincangan

Islam memiliki satu sistem keyakinan dan syariat yang dapat membentuk dan mengawal kehidupan masyarakat dengan sempurna. Keistimewaan syariat Islam ialah kerana bersifat universal, sempurna dan menyeluruh. Islam datang bukan hanya untuk sementara waktu, tetapi datang untuk segala zaman dan segala musim hingga berakhirnya bumi dan segala makhluk yang wujud. Hukum yang terdapat dalam syariat Islam boleh diklasifikasikan kepada dua komponen utama. Pertama, berkaitan dengan masalah akhirat (agama) yang merangkumi akidah dan ibadah. Kedua, berkaitan dengan masalah negara, masyarakat, hubungan antara orang seorang, masyarakat dengan masyarakat dan sebagainya iaitu meliputi masalah muamalah, hukum, personal, undang-undang, pemerintahan dan sebagainya. Kedua-dua komponen tersebut merupakan satu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan atau dibeza-bezakan kerana manusia diperintahkan supaya mencari kebahagiaan di dunia dan akhirat (Surah al-Qashash 28:77).

Muhammad Faruq al-Nabhan (1986) yang mengatakan bahawa pembangunan ekonomi dalam Islam didominasi oleh tiga faktor utama, iaitu akidah, Syariat dan akhlak. Al-Quran telah menetapkan bahawa akidah tidak sekadar pemahaman, malah meliputi kehidupan seharian manusia secara keseluruhannya (surah Hud: 61). Tiada seruan penolakan atau pengabaian terhadap kehidupan dunia sebaliknya wujud sintesis yang indah antara kehidupan dunia dan akhirat. Buktinya, terdapat pengulangan kombinasi seruan ke arah iman dengan amal soleh sebanyak 70 kali di dalam al-Qur'an. Amal soleh dalam konotasi yang lebih luas merangkumi kebaikan tingkah laku individu dan masyarakat untuk kehidupan di dunia dan akhirat. Rasulullah S.A.W sendiri mengajar umatnya supaya sentiasa berusaha dan berdoa memohon perlindungan Allah S.W.T daripada kemiskinan. Masalah kemiskinan bukan sahaja merbahaya kepada diri dan pemikiran manusia, malah turut melibatkan akidah, institusi keluarga serta menggugat kestabilan masyarakat. Allah S.W.T telah mengingatkan dalam al-Quran bahawa ketakwaan akan membangunkan ekonomi dan memudahkan rezeki (surah al-A'raf (7):96), untuk semua manusia, manakala tamadun kebendaan yang terpisah daripada akidah akan menjurus kepada kefasikan dan kerendahan moral (surah al-Haj (22): 45-46). Manusia ialah nadi pembangunan, pembangunan tidak bermakna sekiranya ia gagal menghasilkan beberapa keadaan, baik material mahupun kerohanian yang membolehkan seseorang individu dan makhluk menjadi insan yang mulia (Muhammad al-Buraey, 1985).

Pengenalan sesuatu pekerjaan manusia biasanya disandarkan kepada jenis pekerjaan yang mereka lakukan. Kebanyakan kajian mendapati, personaliti usahawan adalah bersifat universal yang merentasi ras, budaya, mahupun batasan geografikal. Bagi individu yang tidak terlibat dalam bidang keusahawanan, kehadiran sifat-sifat tersebut dijangka boleh membantunya menjadi pekerja yang berjaya jika dia menceburi bidang ini (Gartner et al., 2004). Antara ciri asas usahawan yang disepakati sarjana seperti McGrath (2000); Stevenson et al. (1994); Cunningham & Lischeron (1991); Md. Nazrul Islam (1998); Abulhassan Muhammad Sadeq (1991) adalah berkeyakinan, ghairah mengejar peluang baru, kuat berusaha,

berani mencuba, memiliki disiplin yang kuat, bermotivasi, dinamik dan berkepimpinan, berkeinginan kepada autonomi, optimis, fokus dalam pelaksanaan, hanya mengambil peluang yang terbaik, sentiasa mengelak risiko, membina rangkaian perhubungan dengan orang yang dalam bidang yang sama, setiakawan, memainkan peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi melalui inovasi dan kreativiti, mudah memahami, berkemahiran mengurus di dalam sebuah organisasi yang kompleks, berpengetahuan mengenai produk, pasaran dan teknologi, berkemampuan untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat serta responsif terhadap cadangan dan bersifat kritikal. Namun, kualiti seseorang usahawan yang berkompentensi ini bukan hanya pemberian Tuhan semata-mata, kebanyakannya hasil pendidikan, latihan dan bantuan kewangan dan fizikal daripada pihak-pihak yang berautoriti terutamanya kerajaan.

Berdasarkan tasawur Islam, kerjaya usahawan adalah suatu pekerjaan yang mulia. Kemuliaan akan bertambah apabila seseorang usahawan itu menjalankan perniagaan dengan jalan Islam yang terpuji, yang tidak menjadikan matlamat menghimpunkan atau memperbanyakkan bahkan menjaga kesucian dan mencukupkan. Al-Ghazali (1996) telah memperincikan kepada tujuh perkara sebagai syarat untuk menyempurnakan kasih sayang seorang usahawan kepada agamanya. Syarat-syarat tersebut ialah mengelakkan niat dan akidah pada permulaan, berkeinginan untuk menegakkan salah satu daripada kewajipan fardhu kifayah dan membela kepentingan agama, tidak menghalang pasar akhirat oleh pasar dunia, sentiasa mengingati Allah S.W.T, berpuashati dan tidak terlalu tamak, menjauhkan diri dari perkara dan tempat yang syubhat dan haram serta sentiasa bermuhasabah diri kerana Allah S.W.T dan sentiasa mengawasi segala aktiviti muamalatnya.


Namun, berbakti kepada manusia bukan penghujung segala-galanya kepada usahawan Islam. Sebagai sistem yang berpaksikan kepada tauhid, ukuran mutlak kejayaan usahawan tidak terbatas kepada tahap kepuasan diri dan pelanggan semata-mata, tetapi turut merangkumi keredaan Allah S.W.T terhadap pekerjaan yang dilakukan. Objektif ini hanya dapat dicapai jika segalanya diniatkan kerana Allah S.W.T. dengan berbekalkan semangat keimanan dan ketakwaan (surah al-A'raf (7): 96), sentiasa mengagungkanNya, membangunkan bumi berteraskan *Rububiyyah* dan *Uluhiyyah* (surah al-Hujarat (49):2), menjadikan Allah S.W.T. sebagai tempat bergantung (surah al-Mulk (67): 21) serta aktiviti keusahawanan tidak menyebabkan mereka lalai daripada mengingatiNya terutama dalam menunaikan ibadat fardhu yang lain (Surah al-Nur (24): 37). Nabi s.a.w. pernah bersabda kepada sekumpulan manusia yang sedang berjual beli:

“Wahai para peniaga, maka mereka pun menyahut panggilan nabi S.A.W. dengan mengangkat tengkok dan pandangan mereka ke arahnya. Lalu baginda bersabda: Sesungguhnya para peniaga akan dibangkitkan pada hari kiamat sebagai fujjar (jahat, ahli maksiat, ahli neraka) kecuali sesiapa yang bertakwa kepada Allah, berlaku adil dan berkata benar” (al-Tirmidhi)

Bertakwa kepada Allah S.W.T dalam konteks Hadith ini ialah tidak pernah melakukan sebarang penipuan dan khianat, berbuat baik kepada manusia dalam perniagaan, menguruskan perniagaan dengan taat kepada Allah S.W.T dan beribadat kepada-Nya serta berkata benar pada sumpah atau seluruh percakapannya. Sebagai khalifah, tugas manusia tidak lebih daripada sekadar pengubahsuaian iaitu mengubah kedudukan dan tempat benda-benda yang telah sedia ada untuk mendapatkan manfaat. Asas ini turut mendidik perasaan bermasyarakat di dalam diri seseorang usahawan kerana harta yang diperolehi bukanlah hak mutlak individu. Bahkan Pemilik sebenar harta tersebut telah meletakkan prinsip-prinsip tertentu yang wajib diikuti. Al-Qaradhawi (1997) menegaskan, Islam memandang tinggi terhadap usahawan yang berjaya serta berpegang teguh kepada prinsip agama, malah mereka dianggap sebagai pejuang terhadap nafsu serta layak digelar sebagai pejuang di jalan Allah S.W.T. Hal ini kerana, dalam

keghairahan mengejar keuntungan, adalah terlalu mudah bagi golongan usahawan untuk mengabaikan ajaran agama, malahan kadangkala mereka mungkin lalai terhadap soal halal dan haram. Bagi memudahkan pemahaman, penulis telah meringkaskan huraian akidah sebagai asas pembangunan usahawan dalam Islam seperti di dalam rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Pembentukan Budaya Berasaskan Akidah



Personaliti usahawan atau pekerja Muslim yang hakiki seharusnya meletakkan akidah sebagai asas yang utama. Kesempurnaan menghayati dimensi tauhid menjadi kunci kepada kesempurnaan menghayati dimensi-dimensi lain seperti Syariah dan akhlak. Seterusnya, setiap pekerjaan yang dilakukan hendaklah tidak melampaui daripada batas-batas Syariah serta nilai-nilai akhlak Islam yang terbentuk daripada semangat falsafah tauhid kepada Allah S.W.T. Kesepaduan antara ketiga-tiga asas inilah akan menjadikan kegiatan ekonomi yang dilakukan yang dilakukan oleh para usahawan, pekerja atau pengguna adalah bernilai ibadat. Dalam erti kata lain, umat Islam bekerja bukan sekadar untuk keperluan hidup dunia semata-mata, malahan mereka juga turut berusaha mendapatkan ganjaran yang bersifat hakiki di akhirat kelak. Konsep-konsep yang ditawarkan oleh ajaran Islam ini sentiasa relevan sebagai mekanisme penyelesaian terbaik bagi segala krisis dan masalah yang dihadapi oleh setiap manusia kerana agama ini diturunkan untuk seluruh manusia sehingga akhir zaman.

Manusia mungkin tidak memperoleh semua hasil daripada apa yang dikerjakan di atas muka bumi ini. Allah S.W.T tidak menjadikan kehidupan dunia ini sebagai tempat untuk mencapai segalanya. Segala usaha manusia pasti akan mendapat balasan, jika tidak didunia ini, pasti ia akan mendapat balasan diakhirat (Surah (3) 171, (7): 170, (9): 120, (11):11, (16):41, (29): 58, (3):185, (3):57, (11):15). Kerana itu manusia diperintahkan untuk bekerja keras dan melanjutkan perjuangan di jalan yang lurus tanpa kenal penat lelah dan jangan sampai resah dengan hasil yang ingin dicapai dengan segera (Mustaq Ahmad, 1995).

Pembangunan ekonomi dan harta juga bukan sebagai matlamat utama (surah al-An'am (6):32, Ibrahim (14):3, al-Nahl (16):107, al-Qiyamah (75):20-21 dan al-'Adiyyat (100):8. Sebaliknya, ia hanyalah sekadar penolong kepada manusia untuk berkhidmat kepada akidah dan risalahnya (Ahmad Mustafa 'Afifi, 2003), sebahagian daripada fitrah dan keperluan manusia untuk meneruskan kelangsungan hidup mereka serta sebagai wasilah mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. Manakala pengabdian kepada Allah S.W.T serta pembangunan moral dan spiritual (tazkiyyah al-nafs) dalam urusan perekonomian akan memandu manusia ke arah mencapai kecemerlangan yang mutlak.

Rumusan

Akidah merupakan setinggi-tinggi ciri 'insan' yang membezakannya daripada alam haiwan, pemandu sebenar kehidupan manusia sama ada secara disedari ataupun tidak, tasawwur yang menunjangi sesuatu pemikiran dan tindakan, satu-satunya jaminan yang berasaskan takut kepada Allah S.W.T. serta berkeinginan untuk mendapatkan keredaan-Nya. Ia juga merupakan satu jaminan untuk mendapatkan kehidupan *insaniyyah* yang paling baik dalam membentuk personaliti serta rupa bentuk tamadun manusia. Allah adalah Pencipta syurga dan bumi, oleh itu kedua-duanya adalah baik. Allah juga memerintah manusia memakmurkan bumi berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan. Pegangan akidah adalah asas yang mendorong kepada pengeluar untuk menyedari dan mengamalkan kebenaran bukan kerana takut terhadap hukuman yang akan diterima daripada kerajaan. Usahawan adalah pemilik sementara harta Allah dan bekerja sebagai agen untuk mengimbangi antara dua tanggungjawab kepada Allah dan tanggungjawab kepada masyarakat. Jika kita percaya kepada konsep Allah, fitrah dan makhluk-Nya, maka tiada halangan untuk mengaplikasikan fahaman Islam dalam perniagaan. Dengan ini, sistem ekonomi Islam yang bersifat syumul mampu melahirkan perubahan secara menyeluruh dan konsisten dalam bidang keusahawanan. Keusahawanan Islam bukan sahaja membentuk personaliti usahawan, malah ia juga mendidik dan memberi pengajaran kepada semua pihak yang berkaitan. Misalnya, pengharaman arak bukan sekadar menentukan polisi orang perseorangan tetapi ia turut merangkumi polisi awam dan perindustrian sesebuah negara Islam.

Rujukan

- Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manzur. (1996). *Lisan al-'Arab* j. 9, c. 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Abulhassan Muhammad Sadeq. (1991). *Economic Development in Islam*, c. 2. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Ahmad Mustafa 'Afifi. (2003). *Istismar al-Mal fi al-Islam*, c. 1. Kaherah: Maktabah Wahbah
- Cunningham, J. B. dan Lischeron, J. (1991), "Defining Entrepreneurship", *Journal of Small Business Management*. j. 29, isu 1, h 45-61.

- Gartner, W. B. *et al.* (2004), *Handbook of Entrepreneurial Dynamics: The Process of Business Creation*, Thousand Oaks: SAGE.
- Ismail Raji al-Faruqi. (1979). Is Islam Defineable in Terms of his Economic Pursuit dlm Khursyid Ahmad dan Ishaq Anshari (Eds.). *Islamic Perspectives* Leicester: Islamic Foundation.
- McGrath, R. G. dan MacMillan, I. (2000). *The Entrepreneurial Mindset*. Boston: Harvard Business School Press.
- Md. Abdul Hannan Mia dan Md. Abdul Mannan. (1996). "Can Businessmen Apply Islamism", *Thoughts on Economics*, 6 (1), Jan-March 199, h.35-48.
- Md. Nazrul Islam. (1998). "A Test of Some Characteristics of Entrepreneur: An Empirical Study", *Thoughts on Economics*, 7 (3 & 4), Jan-Jun, h. 64.
- Muhammad Asad. (1947). *Islam at the Crossroad*, edisi semakan ke enam, Lahore : Sh. Muhammad Ahraf.
- Muhammad al-Buraey. (1985). *Administrative Development An Islamic Perspective*, c. 1. London: Routledge & Kegan Paul plc.
- Muhammad Faruq al-Nabhan. (1986). *Abhath fi al-Iqtisad al-Islam*. c. 1. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Mustaq Ahmad. (1995). *Business Ethics in Islam*. Islamabad: International Institute of Islamic Thought.
- Rafiq Yunus al-Misri. (2007). *al-Iqtisad wa al-Akhlaq*, c. 1. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Shafiq Falah Alawneh (2009), "Human Motivation: An Islamic Perspective", dalam Amber Haque dan Yasien Mohamed (eds), *Psychology of Personality, Islamic Perspective*, Singapura: Cengage-Learning Asia Pte Ltd.
- Stevenson, H. H. *et al.* (1994). *New Business Ventures and The Entrepreneur*. Sydney: Richard D. Irwin, INC.
- Sayyid al-Sabiq. (t.t.). *al- 'Aqa'id al-Islamiyyah*, Kaherah: al-Fath al-'Alam al-'Arabi.
- Yusuf al-Qaradawi. (1997). *al-Halal wa-al-Haram fi al-Islam*, c. 6. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Yusuf al-Qaradawi. (2001). *Dawr al-Qiyam wa-al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami*, c. 2. Kaherah: Maktabah Wahbab.